KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	28.02.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			

Siasat video tular buaya Sungai Kuantan

KUALA SELANGOR: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor sedang menyiasat video tular penemuan seekor buaya di Sungai Kuantan di sini, Jumaat lalu.

Pengarahnya, Dennis Ten Choon Yung berkata, sungai itu secara umumnya memang merupakan habitat semula jadi buaya tembaga dan penduduk kampung juga sedia maklum mengenai kehadiran haiwan itu.

"Sudah menjadi kebiasaan penduduk yang pergi memancing terserempak dengan reptilia tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, tular sebuah video berdurasi 23 saat memaparkan seekor buaya bersaiz besar ditemukan di kawasan paya bakau sungai tersebut.

Video itu dipercayai dirakam orang awam atau pemancing dan tiada kejadian buruk berlaku.

Jelas Choon Yung, papan tanda amaran turut sudah dipasang di Sungai Kuantan itu yang kerap dikunjungi orang awam.

"Pemasangan papan itu hasil kerjasama penduduk setempat dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Bagaimanapun, kita akan menjalankan pemantauan secara berterusan dari semasa ke semasa," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya menasihatkan semua pihak supaya berwaspada ketika berada di sungai itu bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.



SEEKOR buaya dikesan dekat Sungai Kuantan oleh seorang pemancing yang kemudian merakam video haiwan berkenaan di Kuala Selangor, Selangor.